



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

**JABATAN AUDIT NEGARA
(NATIONAL AUDIT DEPARTMENT)**

Aras 1-9, Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuhr Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : +603-8091 1000
Laman Web : www.audit.gov.my

SULIT

Ruj. Kami: AUDIT/IP/BPSM/147/649/7Jld.20(62)

Tarikh: 8 Mac 2024

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**URUSAN PERTIMBANGAN PEMANGKUAN JURUAUDIT GRED W41 KE
JURUAUDIT GRED W44 DI JABATAN AUDIT NEGARA**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan mengadakan urusan pemangkuan bagi Juruaudit Gred W41 ke Gred W44. Pertimbangan bagi urusan pemangkuan jawatan tersebut perlu memenuhi kesemua syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Dilantik sebagai ke Jawatan Juruaudit Gred W41 **sebelum atau pada 30.06.2019**;
- (ii) Markah wajaran LNPT bagi 3 tahun terkini (2021, 2022 dan 2023) **tidak kurang 80%**;
- (iii) Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- (iv) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM);
- (v) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa iaitu sekurang-kurangnya dalam tempoh 5 tahun dari tarikh iklan dikeluarkan (masih mempunyai tempoh sah laku sekurang-kurangnya 6 bulan);

SULIT

- (vi) Bebas dari senarai peminjaman pendidikan tegar dengan menandatangani Surat Akuan Pinjaman Pendidikan/ Tabung Pendidikan. Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat JAN Bil. 1/2020 pada 6 Januari 2020 telah memutuskan supaya **pegawai yang masih mempunyai pinjaman pendidikan dan membayar secara tunai diwajibkan membuat bayaran secara potongan gaji**. Pegawai hendaklah **mengemukakan bukti bagi bayaran tunai yang telah dilakukan secara konsisten** dalam bentuk surat dari agensi pinjaman pendidikan/ slip gaji dan penyata bank;
- (vii) Manakala pegawai yang telah menyelesaikan pinjaman pendidikan, pegawai hendaklah mengemukakan bukti selesai pinjaman pendidikan; dan
- (viii) **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dikemukakan **melalui Ketua Jabatan** dengan menggunakan borang-borang di **Lampiran A, B, C dan D** berserta dokumen-dokumen seperti berikut:

- (i) **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini** (bagi pegawai yang bertugas di Jabata Audit Negara Negeri/ Bahagian/ Unit Audit Dalam di Kementerian/ Jabatan/ Audit Sekolah); dan
- (ii) Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2021, 2022 dan 2023 (bagi pegawai yang bertugas di Bahagian/ Unit Audit Dalam di Kementerian/ Jabatan/ Audit Sekolah).

4. Sukacita diingatkan bahawa pemangkuan ini berkemungkinan melibatkan pertukaran ke tempat lain. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini **selewat-lewatnya pada 15 Mac 2024 (Jumaat)** ke alamat:

Timbalan Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan Audit Negara
Aras 4, Blok F3, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur A, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA
(u.p : Puan Aznida binti Abd. Raghni)

5. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini bolehlah diajukan kepada pegawai-pegawai berikut:

- | | | | |
|-------|---------------------------------------|---|--------------|
| (i) | Puan Dhiya Husni binti Husin | - | 03-8091 1822 |
| (ii) | Puan Norita binti Othman | - | 03-8091 1824 |
| (iii) | Puan Reka a/p Subramaniam | - | 03-8091 1827 |
| (iv) | Cik Nurul Anis Afiqah binti Zainuddin | - | 03-8091 1832 |

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti’

Saya yang menjalankan amanah,



(SYAKURAH BINTI ABDULLAH)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Sektor Pengurusan

b.p. Ketua Audit Negara

☎ : 03-8091 1522

✉ : syakurah@audit.gov.my

s.k.:

- i. KAN
- ii. TKAN (P)
- iii. TKAN (K)
- iv. TKAN (S)

EDARAN DALAMAN:

- i. Pengarah-Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi
- ii. Pengarah-Pengarah Audit Sektor Audit Kewangan
- iii. Pengarah-Pengarah Audit, Sektor Audit Pengurusan Syarikat Kerajaan
- iv. Pengarah-Pengarah di bawah Pejabat Ketua Audit Negara
- v. Pengarah Sektor Pengurusan
- vi. Pengarah Akademi Audit Negara
- vii. Pengarah-Pengarah Audit Negeri

EDARAN LUARAN:

- i. Ketua Setiausaha Kementerian
- ii. Setiausaha Bahagian/ Ketua Unit Audit Dalam Kementerian/Jabatan
- iii. Setiausaha Bahagian Audit Sekolah